



Headline: Rugi RM26,000 ditipu sindiket Macau Scam
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 27 February 2018

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 9

Rugi RM26,000 ditipu sindiket Macau Scam

RAUB 26 Feb. - Seorang jurutepi pergisian mengalami kerugian kira-kira RM26,000 selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai kastam dan polis.

Difahamkan, dalam kejadian itu, mangsa dihubungi sindiket berkenaan yang mendakwa dia terlibat dalam kes dadah dan pengubahan wang haram sebelum memintanya memindahkan wang.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintenden Mohd. Wazir Mohd.

Yusof berkata, dalam kejadian Khamis lalu, mangsa dihubungi seorang suspek yang menyamar sebagai pegawai Kastam dari Bukit Kayu Hitam, Kedah.

Katanya, suspek mendakwa mangsa mempunyai kes dan perlu menjelaskan cukai barang

dan perkhidmatan (GST) berjumlah RM16,702.38.

"Bagaimanapun, mangsa menafikannya. Dia kemudian diminta membuat aduan kepada dua lagi suspek yang menyamar sebagai anggota polis dari Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah dan mendakwa mangsa terbabit dalam kes dadah serta pengubahan wang," katanya di sini hari ini.



MOHD. WAZIR

Mohd. Wazir berkata, susulan itu, mangsa diminta membuka akaun di sebuah bank bagi membolehkan wang miliknya diaudit oleh juruaudit dilantik.

Berikutan itu, katanya, pada Jumaat lalu kira-kira pukul 2 petang, mangsa membuka akaun di sebuah bank dan memasukkan wang berjumlah kira-kira

RM26,400.

"Mangsa kemudian dihubungi seorang lagi suspek yang menyamar sebagai pegawai polis yang meminta menyerahkan segala butiran akaun bersama nombor pengenalan peribadi kad pengeluaran wang automatik (ATM).

"Pada hari sama, berlaku tiga pindahan wang ke dalam satu akaun dengan jumlah keseluruhan RM26,300. Mangsa dimaklumkan bahawa wang berkenaan akan dipulangkan semula pada Sabtu lalu," katanya.

Tambahnya, apabila mangsa membuat semakan akaun dan mendapati tiada wang seperti dijanjikan serta menyedari ditipu sebelum membuat laporan polis di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Raub di sini.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana melakukan penipuan dan polis sedang giat mengesan suspek," katanya.